

Headline	Malaysia perlu bantu selesai isu Rohingya		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	01 Dec 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Color	Full Color
Section	Negara	ArticleSize	477 cm ²
Page No	11	PR Value	RM 37,137
AdValue	RM 12,379		



Malaysia perlu bantu selesai isu Rohingya

RAMAI yang suka mengatakan "salah siapa" dalam krisis keamanan etnik Rohingya di Myanmar. Tetapi apabila ditanyakan apakah usaha peribadi yang boleh dilakukan, jawapan yang paling biasa didengar ialah "kita doakanlah sahaja mereka". Ini tidak cukup!

Masalah Rohingya ini kompleks dan ia hanya boleh diselesaikan melibatkan peranan semua pihak baik daripada pihak kerajaan, badan bukan kerajaan maupun setiap individu dalam masyarakat. Sekarang bukan masa untuk kita menyalahkan sesiapa tanpa memikirkan jalan penyelesaian yang holistik.

Akar permasalahan Rohingya ini melibatkan politik dalam Myanmar. Penindasan atas mereka lebih bersifat perkauman, dengan ditambah isu agama. Rohingya adalah golongan minoriti tetapi mempunyai kelebihan dari segi ekonomi mandiri. Malangnya, mereka tiada kuasa politik dalam strata pemerintahan Myanmar.

Maka hasil penyelesaian utama untuk jangka masa panjang juga harus bersifat desakan politik. Malaysia boleh menggunakan kuasa sebagai Pengurus ASEAN dengan mengusulkan secara tegas kepada ahli serantau untuk mengenakan sekatan ekonomi. Malaysia perlu bersungguh-sungguh dan bertegar dalam menarik kesepakatan ahli serantau dalam menekan kerajaan Myanmar berkenaan dengan isu ini.

Negara kita boleh bermula dengan memboikot produk dari Myanmar atau menghentikan pengambilan pekerja warganegara tersebut secara drastik. Tekanan ekonomi ini sekali gus menjadi bantuan utama kepada etnik Rohingya. Ditambah pula membatakan sebarang hubungan sukan yang melibatkan kedua-dua buah negara sebagai tanda protes.

Isu Rohingya tidak lagi dapat diselesaikan melalui tindakan bantuan keamanan semata-mata. Bantuan keamanan hanyalah penyelesaian secara sementara dan bukan konkret bagi menyelamatkan warga Rohingya yang dicabul hak kewarganegaraan dan asasi mereka.

Isu ini hampir sama seperti konflik pembersihan etnik Bosnia yang menyaksikan 200,000 orang disembelih oleh pihak Serb pada

Menjengah Minda

Bersama MOHD. MUZZAMMIL ISMAIL

tahun 1992. Etnik Serb seboleh-bolehnya mahu semua wilayah asal Yugoslavia kekal di bawah taklukan mereka.

Pada masa itu, Serb menggunakan kuasa dan majoriti etnik mereka dalam tentera untuk berbuat demikian. Malaysia antara negara Islam yang lantang memberikan reaksi sungguhpun kita berada jauh beribus-ibus kilometer dari wilayah Balkan dan dianggap sebagai sebuah negara yang kecil.

Dasar luar kita yang begitu mengutamakan prinsip keamanuaan telah memperlihatkan beberapa usaha yang diambil antaraanya melalui proses diplomasi, bantuan kemanusiaan dan ketenteraan melalui pasukan pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta bantuan pembangunan semula kawasan di Bosnia.

Sememangnya agama Islam merupakan faktor utama yang menjurus dasar luar negara kita untuk campur tangan di Bosnia secara agresif. Soalnya, bagaimana Malaysia boleh menjadi begitu berani dalam mengambil pendekatan sebegini? Jawapannya kerana kita bersungguh-sungguh untuk membantu Bosnia pada masa itu.

Berbalik kepada isu Rohingya yang lebih dekat geografinya dengan kita, saban hari penyembelihan dan pembunuhan berlaku. Wanita dan kanak-kanak dirogol dan dibakar. Kampung dimusnahkan. Kerana apa?

Ini disebabkan mereka tiada kekuatan untuk melawan kembal-

li, tiada bantuan dari luar, malah yang paling penting tiada sebarang tekanan politik dijalankan terhadap kerajaan mereka.

Mungkin tidak banyak yang boleh dilakukan oleh negara kecil seperti kita untuk menyelesaikan isu ini. Namun, tidak bermakna kita tidak mampu melakukan sesuatu? Kita berpengalaman ketika krisis Bosnia dan Somalia. Jadi gunakanlah pendekatan yang sama.

Benar, bukan mudah untuk menerima ribuan pelarian Rohingya kerana hal ini berkaitan dengan dasar luar negara dan sebarang polisi harus difikirkan secara kolektif dan realistik.

Namun, dasar luar negara kita perlu jelas sama ada mahu berdiam diri, berkecuali atau menjadi negara harapan yang sebenarnya dalam menyelesaikan krisis ini. Bersympati sahaja tidak akan membawa apa-apa perubahan selagi tidak digerakkan untuk membuat sesuatu.

Buat masyarakat awam, menyumbanglah kepada mana-mana kempen sama ada derma mahupun modal sosial sekadar yang termampu. Apa yang penulis boleh lakukan adalah menulis bagi membuka minda masyarakat supaya lebih prihatin terhadap krisis kemanusiaan ini.

Akhir sekali, hanya ada kata dua buat pemerintah Myanmar, sama ada melepaskan Arakan kepada Rohingya sebagai wilayah yang merdeka atau menerima seluruh etnik Rohingya sebagai warganegara yang sah seperti sepatutnya.

●MOHD. MUZZAMMIL ISMAIL ialah Felo Akademik Pusat Pengajian Kerajaan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, Universiti Utara Malaysia